

12/03/2001

Satu parti logik jika mahu satukan Melayu: Nik Aziz

PORT DICKSON, Ahad - Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, adalah logik satu parti diwujudkan bagi mewakili orang Melayu jika semua pihak bersungguh-sungguh berusaha ke arah menyatukan semula bangsa.

Menteri Besar Kelantan itu berkata, dalam suasana sekarang satu parti saja yang diperlukan berbanding kini dua, tetapi beliau tidak menentukan parti mana yang patut dibubarkan.

Bagaimanapun, katanya pendapat peribadinya itu adalah berasaskan kepada teori Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta Semangat 46 (S46) supaya ia dibubarkan jika mahu menyertai Umno.

"Teori ini boleh digunakan sekarang, jika Dr Mahathir nak satukan orang Melayu. Jadi, kita perlu ada satu parti saja.

"Ini pandangan saya seorang, kalau boleh terima, Alhamdulillah. Kalau tidak diterima, saya tak ada apa-apa.

"Saya tidak tentukan parti mana yang wujud sekarang, patut dibubar," katanya kepada pemberita selepas berucap dan berdialog dengan penduduk Bukit Pelandok, dekat sini hari ini.

Dalam perkembangan lain, Nik Aziz menjelaskan Pas tetap melarang iklan yang menggunakan gambar perempuan untuk produk yang dikeluarkan oleh syarikat.

Katanya, kerajaan negeri tidak hairan dengan kehilangan pelaburan berikutan larangan itu walaupun mereka menggunakan pelbagai cara untuk mempromosikan barangan.

"Saya kata di Kelantan semua iklan tidak boleh guna gambar perempuan mendedahkan aurat yang dilaksanakan sejak dulu lagi.

"Syarikat tidak wajar mengeksploitasi perempuan sebagai satu bahan komoditi," katanya.

Sementara itu, wakil TV3 Negeri Sembilan yang dihalang daripada menemuramah Nik Aziz bersama media lain, membuat laporan di ibu pejabat polis daerah (IPD), kira-kira jam 1.25 petang.

Dalam laporannya itu, wartawan penyiaran Faisal Abas, 34 dan jurukamera, Ali Choy Abdullah, 41, berkata mereka dihalang oleh beberapa `pegawai keselamatan' manakala sekumpulan wakil media lain dibenarkan menemui menteri besar yang duduk dalam keretanya sebelum beredar di pekan Bukit Pelandok.

"Kebebasan dan ketelusan yang dilaungkan oleh pembangkang hanya tinggal sebagai slogan," kata mereka dalam laporan berkenaan.

(END)